

## 13 • Perpustakaan



## PERPUSTAKAAN TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

LAPORAN TAHUNAN 2018 Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra (PTSFP) telah mencapai usia ke-16 tahun penubuhannya pada tahun 2018. Sehingga kini, PTSFP kekal menjadi destinasi ilmu warga UniMAP, komuniti sekitar, warga profesional, pustakawan dan sebagai tarikan utama bagi para tetamu universiti. Sepanjang tahun 2018, sejumlah 138,359 transaksi kunjungan warga UniMAP telah direkodkan. PTSFP juga telah menerima kunjungan 2,586 pelawat daripada 101 institusi di dalam dan luar negara.

### HALA TUJU STRATEGIK PERPUSTAKAAN UNIMAP 2025



### Hala Tuju Strategik Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra (2018-2025)

Hala Tuju Strategik PTSFP 2018-2025 merupakan respon terhadap pemerkasaan peranan perpustakaan dalam menyokong pencapaian matlamat UniMAP 2025. Hala Tuju Strategik ini telah dibentangkan oleh Puan Mazmin Mat Akhir, Ketua Pustakawan UniMAP kepada pengurusan Universiti di Bengkel Perancangan Strategik UniMAP pada 30 Disember 2017 di Langkawi. Hala Tuju Strategik PTSFP 2018-2025 mengandungi 7 tujuan yang dikenalpasti bakal melonjakkan keberkesanannya peranan perpustakaan pada abad ke-21. Ini meliputi tujuan sokongan penyelidikan, repositori generasi baru, kelestarian kewangan, fasiliti bertaraf dunia, hub komuniti, kelestarian perpustakaan abad ke-21 dan MTUN One Point. Pelan Tindakan 2018-2020 telah dibangunkan bagi memandu pelaksanaan PTSFP 2025 yang berlandaskan perubahan ekosistem dan persekitaran. Ia juga menyokong pelaksanaan strategi UniMAP 2025.

### Pengurusan Kewangan

Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra (PTSFP) meletakkan pembangunan koleksi sumber maklumat abad 21 sebagai salah satu tujuan di dalam Pelan Strategi Perpustakaan 2018-2025. Pembangunan koleksi merupakan peranan penting perpustakaan dalam memenuhi keperluan maklumat pengajaran-pembelajaran dan penyelidikan di Universiti. Ia juga manifestasi pewujudan sebuah perpustakaan dalam memperkaya, memelihara dan menyediakan akses kepada khazanah ilmu institusi untuk komuniti dan generasi akan datang.

Perpustakaan memperuntukkan di antara 90-92% daripada bajet keseluruhan jabatan untuk pembangunan koleksi elektronik dan konvensional (lihat Rajah 13.1).



Rajah 13.1: Perbandingan Peruntukan Jabatan Perpustakaan dan Peruntukan Pemerkasaan Sumber Maklumat Bagi Tahun 2017 dan 2018

Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra sentiasa melaksanakan proses penilaian prestasi penggunaan sumber maklumat bagi memastikan keberkesanan kos pelaburan ke atas sumber. Ini memandangkan bahawa kos perolehan sumber elektronik meningkat sebanyak 8-10% secara tahunan selain peningkatan kadar tukaran mata wang asing. Piawaian ISO 11620:2014 (*Information and documentation - Library performance indicators*) digunakan bagi tujuan tersebut.

### Tajaan Langganan Pangkalan Data Maklumat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia



Majlis Ketua Pustakawan (MKP) dan *Malaysia Online Electronic Resource Consortium* (MOLEC) bertanggungjawab menyalurkan justifikasi kepada Pusat Sitasi Malaysia, Jabatan Pendidikan Tinggi untuk melanggan kepada pangkalan data relevan kepada komuniti pendidikan tinggi. Pada tahun 2018, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengekalkan tajaan kepada empat (4) pangkalan data maklumat kepada dua puluh (20) Perpustakaan Universiti.

PTSFP mencapai penjimatan bajet melalui tajaan langganan pangkalan data maklumat oleh Kementerian. Bajet sedia ada dimanfaatkan secara optima oleh PTSFP untuk memperbaharui langganan kepada sumber maklumat berimpak yang diperlukan oleh komuniti UniMAP.

### Pemerkasaan Sumber Maklumat


PTSFP melaksanakan aktiviti pemerkasaan sumber maklumat elektronik melalui pengumpulan bahan ilmiah tempatan, perolehan bahan konvensional dan langganan kepada sumber elektronik. Fokus kepada pembangunan koleksi unik yang dihasilkan oleh warga UniMAP meliputi tesis, artikel jurnal, makalah, kertas kerja persidangan, buku, laporan, pembentangan, ulasan, tesis, laporan projek tahun akhir dan pelbagai lagi diyakini berupaya memperkaya sumber maklumat global. PTSFP telah berjaya mengindeks dan menyediakan teks penuh kepada lebih daripada 60,000 objek digital yang boleh dicapai melalui Sistem Repozitori Digital UniMAP - <http://dspace.unimap.edu.my>.

Cenderung kepada pembangunan koleksi elektronik, PTSFP mempergiat aktiviti perolehan kepada sumber ilmiah global yang ditawarkan oleh penerbit terkemuka di dunia. Sehingga Disember 2018, PTSFP melanggan kepada 28 pangkalan data maklumat yang diterbitkan oleh penerbit komersil, penerbit institusi profesional ataupun penerbit Universiti. Ini merujuk kapasiti akses kepada jutaan teks penuh dalam bidang pengajian dan penyelidikan di UniMAP. Sepanjang tahun 2018, PTSFP berjaya menawarkan akses kepada 97.9% (2,571,977 judul) sumber maklumat elektronik kepada warga UniMAP. Ia meliputi buku elektronik, jurnal elektronik, kandungan item dalam Sistem Repozitori, *Online Course Reference Collection* dan lain-lain.

Senario penerbitan global mencadangkan bahawa 60% daripada bahan terbitan dunia diterbitkan dalam format elektronik. PTSFP masih memfokus kepada pembangunan buku teks dan rujukan dalam format becetak memandangkan koleksi

ini tidak dipasarkan dalam format elektronik. Sehingga Disember 2018, PTSFP telah menyediakan akses kepada 65,106 bahan konvensional meliputi buku bercetak, bahan media dan jurnal dan majalah bercetak. Rajah 4 menunjukkan komposisi dan bilangan naskhah koleksi sumber maklumat ilmiah yang ditawarkan kepada warga UniMAP.

Falsafah "No Library is an island" merupakan sebahagian daripada agenda menyediakan akses kepada sumber maklumat melalui sistem pembekalan dokumen yang bersifat global dan efektif. Sistem *WorldShare Inter-Library Loan* dimanfaatkan oleh PTSFP bagi memenuhi keperluan pengguna UniMAP dengan memperolehi bahan-bahan yang tiada di dalam koleksi PTSFP. Rangkaian kerjasama di antara PTSFP dan perpustakaan global membolehkan bahan-bahan berkenaan diperolehi atau dipinjam daripada institusi lain di dalam dan luar negara.



Rajah 13.2 : Komposisi dan Bilangan Naskhah Koleksi Sumber Maklumat Ilmiah Tahun 2018

### Akses Kepada Sumber Maklumat

Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra sentiasa memastikan sumber maklumat yang ditawarkan dimanfaatkan secara optimum oleh warga UniMAP.

PTSFP menawarkan perkhidmatan enjin carian - Worldcat Discovery Service bagi memudahkan proses carian dan penermuan maklumat relevan untuk tujuan pengajaran-pembelajaran dan penyelidikan. Enjin carian ini bukan sahaja menghubungkan pengguna kepada koleksi PTSFP, malahan merayap kepada sumber maklumat yang terdapat di 79,000 perpustakaan global. Sistem sama menghubungkan warga UniMAP kepada kandungan akses terbuka daripada 380 penerbit dan platform.

Sepanjang tahun 2018, sejumlah 1,031,820 teks penuh dalam pelbagai format telah di muat turun menerusi sumber elektronik langganan Perpustakaan. Sistem juga merekodkan sejumlah 904,144 carian dan rujukan menerusi Sistem Repotori Digital, *Online Course Reference Collection*, *LibApps*, *WorldCat Discovery Service* dan *Scopus*.

Pemantauan kepada kadar nilai pulangan ke atas pelaburan (*ROI - return of investment*) dilaksanakan dengan menggunakan alatan piawaian ISO 2789:2013 (*Information and Documentation: International Library Statistics*). Analisa *ROI* menunjukkan kos bagi setiap dokumen yang dimuat turun oleh warga UniMAP bernilai di antara RM 0.50 sehingga RM 7.72 sen. Nilai *ROI* yang tinggi dicapai oleh sumber maklumat elektronik yang meliputi pelbagai bidang perkara. Sumber maklumat dengan liputan bidang perkara khusus dan diakses oleh kelompok pengguna tertentu merekodkan nilai *ROI* yang rendah.



Semenjak tahun 2012, bilangan transaksi pinjaman dan pembaharuan pinjaman bagi koleksi konvensional iaitu bercetak dan media menunjukkan penurunan secara signifikan daripada 30,667 transaksi kepada 8,131 transaksi pada tahun 2018. Statistik transaksi pinjaman dan pembaharuan pinjaman mencatatkan penurunan sebanyak 16.64% berbanding tahun sebelumnya. Ia merupakan senario global yang dipengaruhi oleh pelbagai faktor persekitaran seperti tingkah laku generasi milenia dan perluasan akses kepada sumber elektronik.

Secara keseluruhan, sumber elektronik menyumbang sebanyak 97.9% komposisi akses kepada maklumat oleh warga UniMAP. Walau bagaimanapun, Perpustakaan menghadapi cabaran mengekalkan akses kepada sumber elektronik relevan dengan peningkatan kos langganan dalam situasi kekangan bajet. Pembatalan langganan kepada beberapa sumber yang mempunyai opsyen akses meliputi jurnal atas talian *Sensors & Transducers Journal*, *SAE International Journal of Fuels & Lubricants* dan *SAE International Journal of Engines* telah dilaksanakan pada tahun 2018.

### Akses Kepada Kemudahan

PTSFP telah menempatkan penyediaan fasiliti bertaraf dunia sebagai elemen ke-4 di dalam Pelan Strategik 2018-2025. Sehubungan itu, pelbagai kemudahan telah ditawarkan kepada warga UniMAP. Kemudahan popular seperti Bilik Karel, Bilik Diskusi, Bilik Interaktif, Postgraduate Lounge, Ind-E-Zone (*Industrial Engagement Zone*), Noise Zone dan Hub Pembelajaran telah dimanfaatkan secara optima oleh pengguna. Sepanjang tahun 2018, sejumlah



10,315 tempahan kemudahan dengan anggaran pengguna seramai 27,128 telah direkodkan oleh sistem tempahan atas talian. Ini menunjukkan peningkatan bilangan tempahan sebanyak 4.34% berbanding pada tahun sebelumnya dengan 9,886 tempahan.

PTSFP sentiasa komited untuk menyediakan fasiliti moden dengan teknologi terkini pada masa depan. Ia berdasarkan matlamat menyediakan pengalaman pembelajaran yang bermakna kepada para pelajar khususnya dan warga UniMAP umumnya.

MEMPERKAYA MINDA  
**penerbit**  
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

KOLEKSI BUKU

GLOBAL

E-BOOK

Pembelian mudah dengan  
**ONLINE MARKETPLACE**



**LAZADA**  
E-commerce Shopping



Shopee



**e-sentral**

ebay amazon

Disempurnakan oleh  
**YBhg. Dato' Professor Dr. Zul Azhar Zahid Jamal**  
Nائب Chancellor  
Universiti Malaysia Perlis  
28 Disember 2018

28 Disember 2018